

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : CANTASAN POKOK DI SEKOLAH**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah PBT dibenarkan untuk masuk ke kawasan sekolah untuk mencantas pokok?
- b) Bolehkah PBT membantu sekira ada permintaan dari pihak sekolah?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak PBT tiada halangan untuk memasuki dan membantu sekolah melalui konsep kerjasama antara sekolah dan agensi bagi program seperti gotong royong.
- b) Semua pokok yang berada di dalam kawasan sekolah adalah di bawah tanggungjawab pihak sekolah sendiri dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Ianya diluar bidang kuasa PBT untuk mengambil tindakan mencantas ataupun menyelenggara pokok-pokok tersebut.

Walaubagaimanapun PBT hanya akan memberi bantuan sekiranya pokok-pokok tersebut berada dalam keadaan berisiko tinggi seperti telah mati atau condong dan dilaksanakan secara *in-house*. Sekiranya ianya melibatkan peruntukan kewangan, ianya akan dipertimbangkan berdasarkan kemampuan peruntukan, memandangkan PBT perlu memberi keutamaan kepada penyelenggaraan pokok-pokok milik PBT sendiri di kawasan-kawasan pentadbiran bagi menyelesaikan aduan-aduan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : MASALAH DAERAH SABAK BERNAM**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Majlis Daerah perlu struktur semula untuk mengatasi befisit perbelanjaan MDSB.  
Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi MDSB?
- b) Mengapakah ada berlaku ADUN pembangkang diberi keistimewaan menjalankan program-program Kerajaan Negeri seperti contoh program "back to school"?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi mengatasi masalah defisit perbelanjaan beberapa langkah penjimatan dan pemotongan telah diambil, seperti berikut :
  - Pelarasan pemotongan elauan telefon pegawai
  - Pemberhentian elauan kerja lebih masa
  - Kawalan penggunaan elektrik dan air
  - Kawalan dan sekatan pada perbelanjaan yang tidak penting dan perbelanjaan yang boleh di tangguh.

Di samping penjimatan yang telah dilaksanakan ,MDSB terus menjalankan operasi kutipan hasil dan mencari hasil-hasil baru yang dapat menampung sedikit perbelanjaan MDSB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : AIR PERCUMA**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan telah mengenalpasti kaedah dan mekanisme untuk melaksanakan pemberian Air Percuma bersasar ?
- b) Bilakah pemberian Air Percuma secara bersasar ini akan dilaksanakan ?

**JAWAPAN:**

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 123), Yang Berhormat Kota Anggerik (Soalan No. 173), Yang Berhormat Templer (Soalan No.179), Yang Berhormat Balakong (Soalan No. 225) dan Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 270).

Untuk makluman Yang Berhormat semua, Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu memang telah dilaksanakan bermula pada 01 Jun 2008 dan masih berjalan seperti sedia kala. Sepanjang pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri telah memberikan kemudahan ini kepada semua penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan walaupun matlamat asal Program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan cadangan Penajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma seperti berikut:-

- (i) Isi padu air percuma di Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dinaikkan daripada 20 meter padu kepada 25 meter padu;
- (ii) Penajaran semula Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dikuatkuasakan pada 01 Julai 2019 bagi melengkapkan data pengguna oleh Air Selangor. Pengguna yang layak menerima air percuma sebanyak 25 meter padu ini adalah daripada kalangan Kategori B40 yang berdaftar dalam rekod E-Kasih;

- (iii) Pendaftaran berterusan E-Kasih akan dilaksanakan bagi pengguna yang belum didaftarkan;
- (iv) Kadar minimum pendapatan isi rumah bagi Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma ditetapkan pada RM2,000.00 sebulan; dan
- (v) Penjelasan terperinci hendaklah diberikan kepada rakyat Negeri Selangor melalui *public engagement* yang dibuat oleh Air Selangor melibatkan semua Ahli Dewan Negeri Selangor, Penghulu dan Ketua Kampung menerusi Pejabat Tanah dan Daerah, Ahli-ahli Majlis dan JMB menerusi Pihak Berkuasa Tempatan.

Bermula dari 01 Julai 2019, Program Pemberian Air Percuma ini hanya akan diberikan khusus kepada golongan sasar dalam kumpulan B40 yang berdaftar dengan E-Kasih. Golongan pendapatan isi rumah B40 adalah merujuk kepada pendapatan isi rumah bulanan di bawah RM6,180.00 (bagi Negeri Selangor) berdasarkan kepada rekod Penyiasatan Pendapatan Isi rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kumpulan isi rumah B40 juga termasuk isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagaimana yang ditetapkan dalam Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2016, Kementerian Ekonomi Malaysia (MEA), iaitu nilai PGK nasional adalah RM980.00 sebulan.

E-Kasih adalah satu pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional oleh Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan yang mana semua Ketua Isi Rumah (KIR) yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 (Bandar) atau RM1,000 (Luar Bandar) sebulan adalah digalakkan mendaftar. Data E-Kasih ini merangkumi profil individu, program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) mengikut Penetapan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor iaitu RM1,500.

Di dalam melaksanakan penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) akan melaksanakan padanan (intergrasi) data E-Kasih dengan rekod akaun pengguna domestik Air Selangor. Melalui semakan awal, dianggarkan terdapat 13,000 nama yang layak untuk mendapat manfaat di bawah Program ini.

Bagi nama-nama yang tidak ada dalam E-Kasih, semakan akan dibuat menggunakan data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada Lembaga Hasil

Dalam Negeri (LHDN). Mengikut rekod BSH data tahun 2018, dianggarkan seramai 400,000 nama layak mendapat manfaat Program Pemberian Air Percuma ini, namun padanan data akan dilaksanakan dengan rekod akaun pengebilan di Air Selangor.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri memohon kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat menggalakkan semua pengguna yang layak untuk mendaftar dengan EKasih dan LHDN bagi memastikan mereka boleh secara automatik menikmati Program Air Percuma ini.

Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan data bank bagi penerima IPR ini melalui sistem *Smart IPR* untuk memastikan semua penerima yang layak menerima insentif IPR ini tidak dipinggirkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI**  
**(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : HABITAT KELIP-KELIP**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah kadar kelangsungan hidup (survival) habitat kelip-kelip di Kg Kuantan pada masa kini.
- Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memelihara dan memulihara habitat kelip-kelip di Kg Kuantan yang telah lama popular dan menarik ramai pelancong ke Negeri Selangor.

**JAWAPAN:**

- Kadar kelangsungan hidup (survival) habitat kelip-kelip di Kg Kuantan pada masa kini lebih terjamin. Hal ini disebabkan pelbagai agensi telah menjalankan penyelidikan & analisa (R&D) terhadap habitat kelip-kelip seperti FRIM, Tenaga Nasional Berhad Research (TNBR) serta IPT dalam negara. Pihak FRIM bertanggungjawab untuk memastikan koloni kelip - kelip tidak pupus kerana di kampung Kuantan adalah koloni yang terbesar di dunia. Manakala TNBR menjalankan kajian saintifik dan pemuliharaan kelip - kelip. Selain itu TNBR juga, membuat penyelidikan pemuliharan habitat bakau dan berembang dengan kerjasama IPTA & IPTS.
- Langkah Kerajaan Negeri dalam memelihara dan memulihara habitat kelip-kelip di Kg Kuantan yang telah lama popular dan menarik ramai pelancong ke Negeri Selangor adalah seperti termaktud dalam Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (RTMDKS). Majlis Daerah Kuala Selangor adalah sebuah agensi yang menyelenggara kebersihan dan kemudahan di Pusat Pelancongan Kelip-kelip Kampung Kuantan dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad ( TNB ) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Rancangan Jangka Panjang:

- Pusat Pelancongan Kelip-kelip Kampung Kuantan diwartakan dalam Cadangan Zon Santuari Kelip-kelip Rancangan Tempatan MDKS 2015 dengan Zon Pembangunan Terhad selebar 400 meter dari kedua-dua belah tebing sungai. ( 5km radius ).
- Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengarahkan MDKS untuk pengambilan balik tanah dengan tujuan tiada pembangunan di sekitar kawasan ini supaya tidak mengganggu habitat spesis berkenaan.

Zon Pembangunan Terhad:

- I. Sebarang permohonan pembangunan di kawasan zon penampang adalah tertakluk kepada Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.
- II. Koridor Sungai adalah kawasan di luar rizab sungai dan dalam lingkungan 50 meter berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Berhadapan Sungai.

MDKS berperanan untuk:

- I. Menyelenggara kebersihan kawasan, landskap, menyediakan kemudahan dan penyelenggaraan jeti, lampu jalan, taman permainan, tandas awam dan sebagainya.
- II. Memberi maklumat dan informasi mengenai kitaran hidup kelip-kelip melalui tayangan video dengan kerjasama TNB.
- III. Mengawal pembangunan di sepanjang Sungai Selangor supaya tidak mengganggu ekosistem kelip-kelip dan pokok berembang.
- IV. Membuka peluang sumber pendapatan kepada penduduk tempatan khususnya kepada pendayung yang terdiri daripada lebih 30 orang dan peniaga makanan serta cenderahati.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KUARTERS KAKITANGAN**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah bilangan unit kquarters kakitangan setiap PBT yang tidak diduduki?
- Jika ada, mengapa ia tidak ditawarkan kepada kakitangan yang memerlukannya?

**JAWAPAN:**

- Jumlah keseluruhan bilangan kquarters kakitangan yang tidak diduduki di PBT adalah sebanyak 171 unit melibatkan 8 PBT seperti berikut:

PBT	Bilangan Kquarters Yang Tidak Diduduki
MDHS	61 unit
MPK	32 unit
MPKj	20 unit
MBSA	7 unit
MDSB	5 unit
MDKS	4 unit
MPSp	3 unit
MPS	3 unit
<b>JUMLAH</b>	<b>171 Unit</b>

Bagi empat buah PBT yang lain iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), semua kquarters kakitangan telah penuh diduduki.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menawarkan kepada semua kakitangan bagi kuarters yang layak didiami melalui iklan dalaman. Walau bagaimanapun terdapat kuarters kakitangan yang tidak sesuai ditawarkan kerana telah mengalami kerosakan dan memerlukan kos pembaikan yang tinggi. Namun, ada juga kuarters kakitangan yang ditawarkan oleh PBT tetapi tiada permohonan diterima daripada kakitangan seperti di Majlis Perbandaran Sepang (MPSp).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERANAN SHRDC MEMBANGUN KEBERDAYAAN RAKYAT  
MENGHADAPI REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) sebagai rakan strategik kerajaan negeri dalam membangunkan keberdayaan rakyat menghadapi revolusi industri 4.0?

**JAWAPAN:**

- a) Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC) sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri Selangor dalam membangunkan keberdayaan rakyat menghadapi revolusi industri 4.0 telah melaksanakan Malaysian Smart Factory 4.0 (MSF4.0) berperanan sebagai platform untuk meningkatkan kemahiran pekerja dan keperluan industri bagi memenuhi revolusi 4.0. Objektif utama MSF4.0 adalah seperti berikut:-
- i. untuk menyediakan bakat-bakat yang terlatih dan peningkatan kemahiran dalam bidang industri 4.0 melalui inisiatif latihan kemahiran;
  - ii. untuk membantu peningkatan teknologi melalui pembuktian konsep;
  - iii. menggalakkan perkongsian pengetahuan dan inovasi melalui pusat kecemerlangan Malaysian Smart Factory; dan
  - v. menyediakan platform penggunaan teknologi terkini untuk diterokai oleh insdustri dan institusi awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS**  
**(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah projek dan jumlah unit rumah mampu milik yang telah siap, sedang dibina dan telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di Selangor sehingga kini?
- Nyatakan anggaran projek pembinaan rumah mampu milik Kerajaan Persekutuan di Selangor selepas ditadbir oleh Pakatan Harapan?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri tidak mempunyai keseluruhan data terkini berkenaan projek rumah mampu milik yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, sebarang pembangunan rumah mampu milik yang ingin memperoleh kelulusan oleh PBT Negeri Selangor perlu mematuhi dasar Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku). Oleh yang demikian projek Kerajaan Persekutuan yang telah diselaraskan mengikut dasar tersebut adalah projek rumah mampu milik khususnya projek Perbadanan PR1MA (PR1MA Homes) dan Projek Perumahan Penjawat Awan Malaysia (PPAM). Berikut merupakan data terkini projek persekutuan yang telah diselaraskan di Negeri Selangor:-

PEMAJU	BIL. UNIT	BIL. PROJEK	SIAP BINA	SEDANG BINA	DALAM PERANCANGAN
Perbadanan PR1MA	1,932	1	0	1 (1,932)	0
Projek Perumahan Penjawat Awan Malaysia	2,041	9	0	0	9 (2,041)
JUMLAH			1,932	2,041	
JUMLAH KESELURUHAN				3,973	

- b) Pihak Kerajaan Persekutuan tidak menetapkan sasaran secara terperinci Rumah Mampu Milik di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri telah meningkatkan sasaran sebanyak **30,000 unit Rumah Selangorku** untuk disiapkan secara berperingkat sehingga tahun 2023.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : ELAUN SARA HIDUP NELAYAN & PETANI**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah elaun ini diteruskan untuk tahun ini dan berapakah jumlah elaun tersebut.
- b) Apakah sebab elaun ini diberhentikan sebelum ini dan mengapa tiada pemakluman kepada penerima?
- c) Nyatakan bilangan penerima elaun tersebut mengikut DUN

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini Elaun Sara Hidup tidak diberikan kepada golongan petani tetapi Elaun Sara Hidup Nelayan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi tahun 2019 masih diteruskan dengan pengurangan nilai bantuan dan beberapa penambahbaikan. Mulai 1 Januari 2019, bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan diteruskan dengan kadar RM200 sebulan kepada nelayan yang aktif mengikut kategori seperti berikut:-

BIL.	KATEGORI PENERIMA	KADAR BAYARAN
1.	<b>Pemilik zon A (Individu)</b>	<b>RM200</b>
2.	<b>Pemilik zon A (Bot Tranformasi)</b>	<b>RM200</b>
3.	<b>Awak-awak zon A</b>	<b>RM200</b>
4.	<b>Awak-awak zon B</b>	<b>RM200</b>
5.	<b>Awak-awak zon C</b>	<b>RM200</b>
6.	<b>Awak-awak zon C2</b>	<b>RM200</b>

Pemansuhan bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan dibuat bagi kategori Pemilik Vesel Komersial Zon B, Pemilik Vesel Komersial Zon C dan Pemilik Vesel Zon C2.

- b) Elaun Sara Hidup Nelayan diberhentikan hanya kepada nelayan-nelayan yang tidak melepas proses pemutihan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Pemakluman kepada nelayan telah dibuat bagi nelayan yang tidak lagi menerima Elaun Sara Hidup Nelayan secara berperingkat (pemutihan) dan melalui surat makluman kepada Persatuan Nelayan Kawasan. Selain itu, Y.B. Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani juga telah membuat beberapa kenyataan di media manakala Ketua Pengarah LKIM juga telah mengeluarkan pekeliling yang berkaitan.
- c) Bilangan penerima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESH) untuk Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

#### **Laporan Bilangan Penerima ESH Tahun 2018**

<b>KATEGORI</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>RM</b>
PEMILIK	2,901	8,630,750
PEKERJA	1,235	3,269,950
<b>JUMLAH</b>	<b>4,136</b>	<b>11,900,700</b>

#### **Laporan Bilangan Penerima ESH Januari 2019**

<b>KATEGORI</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>RM</b>
PEMILIK	1,398	279,600
PEKERJA	635	127,000
<b>JUMLAH</b>	<b>2,033</b>	<b>406,600</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : LEBUHRAYA BERTOL DI NEGERI SELANGOR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak kerajaan atau GLC negeri, mempunyai saham di dalam mana-mana syarikat konsesi tol?
- b) Apakah nama syarikat konsesi tol yang mana kerajaan atau GLC nya yang mempunyai saham yang terbesar?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali;

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) mempunyai sebahagian pegangan dalam syarikat konsesi tol melalui syarikat bersekutu, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, yang memegang saham sebanyak 20% dalam syarikat Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Holdings Sdn Bhd (SPRINT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : SKIM PEDULI JANTUNG**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Untuk skim Peduli Jantung adakah masih diteruskan kerana ada rungutan berkenaan dengan isu kelewatan surat jaminan (GL) dan isu penangguhan surat jaminan (GL).

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri masih meneruskan pelaksanaan program Skim Rawatan Jantung Selangor bagi tahun 2019. Kelewatan dan penangguhan Surat Jaminan (GL) telah diselesaikan dan pesakit yang layak boleh berhubung terus dengan pihak Selcare untuk permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tindakan kepada pemilik tanah tapak pelupusan sampah haram?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri sekiranya pemilik tanah ingkar dan meneruskan aktiviti pelupusan sampah haram?
- c) Adakah perampasan tanah dapat dilakukan kepada pemilik-pemilik tanah yang berdegil?

**JAWAPAN:**

(a), b), dan c) dijawab bersekali;

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan amaran, kompaun dan Notis berdasarkan undang-undang berikut:

- mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 82 Borang B, Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) kepada pemilik tanah supaya kacau ganggu dihapuskan;
- mengeluarkan Notis Kerja Tanah di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan Parit Dan Bangunan (Akta 133); dan
- mengeluarkan Notis di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) kepada pemilik tanah supaya memulihkan tanah kepada keadaan asal.

Selain tindakan penguatkuasaan oleh PBT, Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pentadbir Tanah turut mengambil tindakan ke atas pemilik tanah tapak pelupusan sampah haram dengan mengeluarkan Notis 7A kepada pemilik agar memulihkan pelanggaran syarat tanah tersebut. Seterusnya, Notis 7B akan dikemukakan bagi mendapatkan pengesahan terhadap pemulihan yang telah dibuat. Sekiranya selepas tempoh yang diberikan pemulihan tanah tidak

dilaksanakan serta Pemilik Tanah Berdaftar masih ingkar dan berdegil, tindakan perampasan tanah oleh Pihak Berkuasa akan dilakukan di bawah Notis 8A, Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LIM YI WEI**  
**(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : MENARIK BELIA UNTUK MENYERTAI PERKHIDMATAN AWAM  
KERAJAAN NEGERI**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik penyertaan belia dalam perkhidmatan awam Kerajaan Negeri?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan belia untuk menyertai perkhidmatan awam Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Merujuk kepada Ringkasan Eksekutif Dasar Belia Malaysia yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia pada tahun 2018 menetapkan bahawa had umur belia di Malaysia bermula daripada umur 15 tahun hingga 30 tahun. Statistik penyertaan belia dalam perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan kepada data yang dikemukakan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN) iaitu jabatan yang bertanggungjawab terhadap urusan pengambilan perkhidmatan awam lantikan tetap untuk tahun 2016 hingga 2018 adalah seramai 41,770 orang iaitu 9,911 orang pada tahun 2016, 27,287 orang pada tahun 2017 dan 4,572 orang pada tahun 2018.
- b) Belia di Negeri Selangor adalah digalakkan untuk menyertai perkhidmatan awam dengan sentiasa menyemak portal pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN) selaku jabatan yang akan melaksanakan proses pengambilan apabila berlaku kekosongan jawatan melalui iklan kekosongan jawatan di laman sesawang SPN dan surat khabar utama Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : PENYERAHAN KAWASAN KEPADA PBT**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapakah masih terdapat projek pembinaan rumah atau bangunan komersial oleh pemaju yang telah lama siap dibina dan diduduki (lebih 10 tahun) tetapi belum diserah milik kawasan tersebut oleh pemaju kepada MPKj untuk diurus selenggara?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak MPKj akan mengambil alih penyelenggaraan infrastruktur selepas 1 tahun CCC diperolehi. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada permohonan daripada pihak pemaju dan disertakan dengan borang permohonan yang lengkap

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : STATUS PELAKSANAAN PROJEK JALAN RENTAS KG HULU  
CHUCHOH KE KLIA, DAERAH SEPANG**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan Projek Jalan Rentas Kg Hulu Chuchoh Ke KLIA dan bilakah projek tersebut akan dilaksanakan?

**JAWAPAN:**

- a) Projek membina Jalan Dari Kg. Ulu Chuchuh ke KLIA sedang dalam peringkat akhir reka bentuk dan sedang dalam permohonan bagi proses pengambilan tanah. Jajaran projek ini menghubungkan Jalan FT5 di Kg. Ulu Chuchuh ke Jalan FT32 berdekatan KLIA, Sepang sepanjang 20 km. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baru sepanjang 12 km dan menaiktaraf jalan sedia ada sepanjang 8 km kepada piawaian R5 satu lorong dua hala. Projek ini dijangka tender pada penghujung bulan Julai 2019 dan pembinaan dijangka akan bermula pada tahun 2020.

Terdapat satu lagi cadangan jajaran jalan dari Kg. Ulu Chuchuh (B119) ke Jalan FT27 (KLIA) yang dicadangkan dengan jajaran jalan dianggarkan sepanjang 5.3km dan sedang di peringkat kajian di bawah tindakan Pejabat Daerah dan Tanah Sepang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : WABAK DENGGI**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan secara terperinci dasar kerajaan untuk menghapuskan denggi di Negeri Selangor.

**JAWAPAN:**

**Soalan berkaitan denggi akan dijawab bersekali termasuk soalan no 35 daripada Yang Berhormat Sungai Pelek, soalan 202 daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan dan soalan 271 daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baru.**

- a) Kerajaan Negeri Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan menggunakan strategi baru dalam menghapus denggi dengan aktivi kawalan dan pencegahan seperti:
- i) Kawalan biologi menggunakan Nyamuk Aedes dengan Wolbachia. Wolbachia adalah sejenis mikroorganisme yang hidup secara semulajadi dalam organ-organ pembiakan serangga. Ia wujud dalam kira-kira 60 peratus serangga kecuali nyamuk Aedes Aegypti. Oleh kerana Wolbachia tidak terdapat dalam nyamuk Aedes Aegypti seperti kebanyakan serangga lain, maka suntikan akan dilakukan di dalam makmal sebelum ia dilepaskan ke lapangan. Setelah membiak dalam jangka masa yang tertentu, kebanyakan nyamuk Aedes Aegypti di dalam kawasan itu akan mengandungi Wolbachia dan tidak mempunyai virus denggi. Negara yang telah menjalankan kawalan rintis ini adalah seperti Indonesia, Singapura, Thailand, China, Brazil dan Australia. Kajian rintis di Malaysia telah dijalankan di 7 lokaliti *Hotspot* di Selangor dan menunjukkan kejayaan penurunan 50-80% kes di lokaliti tersebut. Kawalan biologi ini akan dikembangkan di lokaliti-lokaliti tumpuan lain terutama lokaliti Wabak Tak Terkawal dan Hotspot.
  - ii) Satu **Program Selangor Bebas Aedes di Tempat Kerja dan Kuarters** akan dilaksanakan bermula tahun ini. Agensi yang terlibat adalah semua agensi kerajaan samada persekutuan mahupun kerajaan negeri termasuk Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) dan anak syarikat di bawah kerajaan

negeri. Program ini merupakan pemerkasaan anggota kerajaan dalam pengwujudan kawasan bebas Aedes di tempat kerja dan kuarters kerajaan. Ia akan dilancarkan pada bulan April ini dengan beberapa siri pendedahan dan latihan yang diadakan oleh Kerajaan Negeri. Di antara aktiviti utama yang akan dilaksanakan adalah;

- Menjalankan alert kes dan wabak demam denggi oleh Pejabat Kesihatan Daerah kepada jabatan yang terlibat untuk tindakan kawalan dan pencegahan;
  - Menjalankan Pemusnahan Tempat Pembibitan Aedes di tempat kerja secara berkala;
  - Mewujudkan jaringan maklumat berkaitan situasi demam denggi di tempat kerja seperti melalui Whatsapp, Facebook dan lain-lain;
  - Mewujudkan kumpulan sukarelawan denggi menggunakan konsep *Corporate Social Responsibility* (CSR) di kalangan warga tempat kerja bagi membantu lokaliti wabak dan hotspot; dan
  - Menjalankan aktiviti penguatkuasaan di tempat kerja dan kuarters.
- iii) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri juga telah melancarkan beberapa siri kempen iaitu yang sedang dilaksanakan adalah **Kempen Selangor Gempur Aedes** Siri 2/2019 selama 6 minggu bermula dari 25.02.19 sehingga 7.04.19 (tempoh 6 minggu) dengan penumpuan aktiviti kepada :
- Memperkuuhkan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembibitan Aedes secara berfokus di lokaliti sporadik terpilih;
  - Memperkuuhkan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) daerah bagi merancang dan menyelaras aktiviti kawalan denggi bersama agensi lain terutama pihak berkuasa tempatan bagi meningkat dan mengoptimakan semua sumber di daerah;
  - Mengoptima anggota di Pejabat Kesihatan Daerah melibatkan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembibitan Aedes dan *larvaciding* terutama selepas waktu pejabat, cuti hujung minggu dan kelepasan am;
  - Meneruskan aktiviti penguatkuasaan di tempat tumpuan awam yang berisiko kepada punca jangkitan Aedes; dan
  - Menggalakkan semua lokaliti COMBI menjalankan aktiviti promosi kesihatan rumah ke rumah dan pemusnahan tempat pembibitan denggi pada setiap hujung minggu. Di samping itu juga menggalakkan mobilisasi ahli COMBI ke lokaliti *Hotspot* dan wabak tak terkawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : MENAIKTARAF KELAB GOLF BUKIT BERUNTUNG**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak Kerajaan Negeri khususnya MBI ada bercadang untuk menaiktaraf kemudahan yang sedia ada di kelab golf tersebut supaya dapat menarik pengunjung tempatan untuk tujuan beriadah sebagai salah satu tarikan pelancongan domestik di kawasan DUN Batang Kali?

**JAWAPAN:**

- a) Sejak tahun 2016, Bukit Beruntung Golf & Country Club (BBGC) telah dikendalikan oleh pihak pengurusan baru yang dipertanggungjawabkan untuk menaiktaraf kelab dan membaikpulih aset BBGC mengikut perancangan dan bajet yang dipersetujui.

Antara kerja-kerja menaiktaraf dan pembaikan yang telah dan akan dilakukan adalah membaiki dan mengecat *club house*, pembaikan kolam renang, pembersihan lapangan golf (*east course*), pembelian mesin padang dan lapang sasar golf serta pembersihan bilik tetamu dan surau untuk keselesaan para pengunjung ke BBGC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : ISU PERUMAHAN YANG TIDAK DAPAT DIJUAL**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah nilai, tempoh dan unit perumahan yang tidak dapat dijual mengikut DUN.
  - Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah perumahan tidak dapat dijual?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah unit perumahan dalam pembinaan dengan baki unit kosong mengikut daerah adalah seperti berikut :

	DAERAH	BAKI UNIT KOSONG JENIS RUMAH SELANGORKU (BELUM MENANDATANGANI PERJANJIAN JUAL-BELI)			
		A	B	C	D
1	<b>PETALING</b>	0	106	595	552
2	<b>KLANG</b>	3	20	39	295
3	<b>HULU LANGAT</b>	24	26	429	1093
4	<b>GOMBAK</b>	0	13	175	575
5	<b>SEPANG</b>	0	38	197	37
6	<b>HULU SELANGOR</b>	0	0	0	458
7	<b>KUALA SELANGOR</b>	0	0	132	273
8	<b>KUALA LANGAT</b>	16	57	0	457
9	<b>SABAK BERNAM</b>	0	0	36	42
<b>JUMLAH</b>		<b>43</b>	<b>260</b>	<b>1,603</b>	<b>3,782</b>
<b>KESELURUHAN</b>		<b>5,688 UNIT</b>			

Maklumat berkenaan nilai / harga jualan Rumah Selangorku mengikut Jenis adalah seperti berikut :

JENIS RSKU	HARGA JUALAN
JENIS A	RM 42,000-00
JENIS B	RM 100,000-00
JENIS C	RM 150,000-00 hingga RM 210,000-00
JENIS D	RM 220,000-00 hingga RM 250,000-00

- b) Setakat 1 Mac 2019, jumlah kekosongan unit Rumah Selangorku yang dalam pembinaan sejumlah 5,688 unit berdasarkan kepada jumlah pemohon yang masih belum memuktamadkan atau menandatangani perjanjian Jual-Beli. Berdasarkan baki kekosongan stok unit rumah tersebut, proses penawaran nama kepada pemohon telah pun dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah Selangorku dan Hartanah Harga Kawalan yang diurussetiakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Susulan itu, pemohon tersebut masih dalam proses menyelesaikan urusan pembelian rumah melibatkan proses mengemukakan dokumen untuk semakan dan pengesahan LPHS, proses pengeluaran surat tawaran di LPHS, proses pemilihan unit rumah di peringkat pemaju, dalam proses mendapatkan pembiayaan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan / bank dan sebagainya sebelum proses perjanjian Jual-Beli ditandatangani. Oleh demikian, tiada isu dan masalah berhubung berkenaan masalah unit tidak dapat dijual memandangkan penjualan kepada pemohon masih berlaku sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : BANJIR KILAT DUN BALAKONG**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banjir Kilat sering berlaku di kawasan DUN Balakong disebabkan sistem perparitan yang lama atau kurang berfungsi. Untuk membaiki sistem perparitan akan melibatkan kos yang tinggi dan tidak dapat bergantung kepada bajet PBT. Apakah usaha Kerajaan Selangor demi mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Merujuk kepada keputusan MMKN Rujukan (43) bertarikh 20 April 2006, telah memutuskan sistem perparitan adalah di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Adalah menjadi tanggungjawab PBT merujuk tatacara "Town Planning" untuk memohon peruntukan bagi menaiktaraf sistem saliran yang lama atau kurang berfungsi mengakibatkan banjir kilat.

Pihak PBT perlu mengemukakan cadangan mitigasi berserta anggaran kos kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk permohonan peruntukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DOMESTIK DI KAWASAN KAMPUNG**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkenaan dengan pengurusan sampah domestik di kawasan kampung. Berapakah jumlah peruntukan bagi pengurusan tahunan?
- b) Apakah peruntukan ini termasuk pengurusan sampah haram di kawasan kampung?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali.

Bermula belanjawan tahun 2017 Kerajaan Negeri telah bersetuju agar penyaluran peruntukan dilaksanakan kepada PBT yang berpendapatan rendah bagi membantu kerja-kerja kutipan sampah di kampung dan kawasan pembangunan strata.

Bagi tahun 2019, sebanyak RM6.36 juta telah diperuntukkan untuk tujuan penyaluran kepada PBT bagi kutipan sampah di kampung tradisi dan kutipan sampah pukal termasuk bayaran Pengurusan Sisa Pepejal di Pulau Ketam & Sg. Lima serta Operasi Tapak Pelupusan Sisa Lengai Pulau Ketam. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak melibatkan pengurusan tapak pelupusan sampah haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
**(N11 IJOK)**

**TAJUK : TANAH TERBIAR**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) *Sub-soalan telah di tolak*
- c) Adakah cadangan untuk menolong graduan lulusan pertanian yang menganggur untuk mengusahakan tanah2 terbiar tersebut?

**JAWAPAN:**

- c) Kerajaan Negeri amat memberi perhatian terhadap isu pengangguran khususnya dikalangan graduan dan ianya termasuk di kalangan graduan lulusan pertanian.

Melalui Program Agropreneur Muda Selangor atau AMSEL, pelbagai program telah mula disusun untuk dilaksanakan dengan objektif utama adalah menarik minat golongan muda termasuk golongan graduan bagi menceburi sektor pertanian dan seterusnya menjadikan sektor tersebut sebagai punca ekonomi utama mereka tanpa bergantung kepada sektor pekerjaan yang semakin mengecil dan persaingan yang semakin tinggi.

Salah satu daripada dasar pelaksanaan Program AMSEL tersebut adalah dengan mengenalpasti tanah-tanah terbiar milik Kerajaan untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian dan seterusnya menempatkan golongan muda termasuk golongan graduan untuk mengusahakan projek-projek pertanian yang bersesuaian.

Antara contoh pelaksanaan program tersebut yang sedang diperingkat proses kelulusan adalah pembukaan tanah pertanian untuk projek tanaman Nanas MD2 dan Roselle di Daerah Sabak Bernam, projek penternakan kambing di Daerah Kuala Selangor dan beberapa projek pertanian yang masih diperingkat penilaian untuk pelaksanaan.

Apabila ianya sudah sedia untuk dilaksanakan, keutamaan akan diberikan kepada penduduk tempatan untuk menyertainya dibawah penyeliaan syarikat mentor iaitu syarikat yang berpengalaman di dalam sesuatu bidang projek dan golongan graduan termasuk golongan graduan lulusan pertanian layak dan amat digalakkan untuk memohon.

Dalam pada itu juga Jabatan Pertanian Negeri Selangor masih lagi melaksanakan pembangunan projek-projek di atas tanah-tanah terbiar milik individu di mana tanah-tanah milik individu tersebut akan disewakan atau dipajak kepada bakal pengusaha termasuk golongan graduan dan Jabatan Pertanian Negeri Selangor akan bertindak sebagai pemudah cara serta menyediakan bantuan di peringkat awal pelaksanaan seperti bantuan untuk penyediaan tanah serta input-input pertanian.